

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
PADANG MERBOK, KUALA LUMPUR, (PDG MERBOK) (K.L)  
"UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH 'WALKATHON' PUSPANITA"  
07 FEBUARI 1993**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinnya pada pagi ini 'walkathon' anjuran PUSPANITA telah dapat diadakan dengan jayanya. Sebagai Penaung, saya berbangga dengan usaha PUSPANITA yang telah mengambil inisiatif mengaturkan berbagai-bagai aktiviti untuk menambah tabung membiayai perbelanjaan membina rumah baru PUSPANITA dan juga menambah wang tabung kebajikannya. Usaha ini sewajarnya mendapat sokongan daripada semua ahli dan patut berbangga kerana telah bersama-sama turut menyumbangmenjadikannya satu kenyataan.

2. Acara 'walkathon' ini telah diadakan sesuai pada masanya sebagai menyambut usaha Kerajaan menjadikan tahun 1993 ini tahun sukan untuk semua. Saya mengucapkan tahniah kepada PUSPANITA kerana telah menganjurkan 'walkathon' ini yang turut disertai bukan sahaja oleh ahli-ahli PUSPANITA tetapi juga pegawai dan kakitangan Kerajaan serta keluarga masing-masing.

3. Aktiviti seumpama ini berkehendakkan seseorang itu mempunyai tubuh badan yang sihat dan cergas. Ini hendaklah mendorong kita agar memberi perhatian kepada kesihatan diri kita dan ahli keluarga masing-masing. Setiap keluarga hendaklah mengamalkan aktiviti sukan dan senaman pada setiap hari sebagai suatu usaha yang berkesan untuk membina sebuah keluarga yang sihat, cergas dan bahagia. Ahli keluarga yang sihat dan cergas akan sentiasa aktif dan lebih produktif.

4. Aktiviti kekeluargaan seperti 'walkathon' ini, akan dapat meningkatkan hubungan yang lebih mesra antara ahli-ahli keluarga, di samping menikmati keindahan alam semulajadi serta kehijauan yang ada di sepanjang perjalanan tadi. Kesempatan yang ada untuk bersama-sama dengan ahli keluarga hendaklah digunakan untuk berinteraksi di antara satu sama lain selain daripada ibu bapa dapat menambahkan maklumat-maklumat mengenai persekitaran yang dilihat oleh anak-anak. Ini adalah satu bentuk pembelajaran yang sungguh berkesan kepada anak-anak kita kerana mereka dapat menghayati serta memahami nilai-nilai baik seperti kebersihan, keindahan dan kehijauan alam semulajadi.

5. Saya berharap PUSPANITA akan memikirkan serta mengadakan aktiviti kekeluargaan yang lain juga dan turut sama membantu ke arah melahirkan masyarakat penyayang, sihat dan aktif.

6. PUSPANITA sebagai sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh suri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam berupaya memainkan peranan yang aktif dan

produktif. Ia juga diiktiraf oleh Kerajaan dan diberikan pelbagai kemudahan untuk membantunya bergerak dengan berkesan.

7. Adalah menjadi harapan saya PUSPANITA akan berusaha menampilkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang menyumbang ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan ahli-ahlinya agar mereka dapat memainkan peranan masing-masing dengan berkesan. Ini amat perlu bagi PUSPANITA bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran masakini dan masa hadapan.

8. Negara kita sedang bergerak menuju ke arah era yang lebih moden dan canggih untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju. Pertubuhan wanita juga berupaya menyumbang ke arah kemajuan pembangunan negara.

9. Justeru itu, PUSPANITA amatlah bernasib baik memperolehi bangunannya sendiri bagi mengadakan program-program dan aktiviti untuk ahli-ahlinya dengan lebih sempurna. Saya berharap ahli PUSPANITA akan menggunakan kemudahan yang ada ini dengan baik dan mendapat manfaat daripadanya.

10. Akhir sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PUSPANITA yang berjaya menganjurkan 'Walkathon' pada hari ini.

Sekian, terima kasih.